

# **PENGARUH PEMIKIRAN STRATEGIK TERHADAP KEMAHIRAN KEPIMPINAN GURU**

Dr. Yogeswaran a/l Vadivelu  
Sekolah Kebangsaan Rawang, Jalan Kuala Garing, 48000 Rawang, Selangor  
012-266 1569  
Anbesivam\_yogi@yahoo.com

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan antara pemikiran strategik dengan kemahiran kepimpinan dalam kalangan guru di sekolah rendah. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kaedah keratan rentas telah digunakan untuk mengumpul data daripada 52 orang guru dari tiga buah sekolah yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik Strategic Thinking Questionnaire yang diadaptasi dari Weyhrauch (2016) dan Developing Leadership Skills yang diadaptasi dari Nourthouse (2013). Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif, korelasi Pearson dan analisis regresi pelbagai. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pemikiran strategik dan kemahiran kepimpinan adalah tinggi dalam kalangan guru. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pemikiran strategik mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan kemahiran kepimpinan. Analisis regresi pelbagai mendapati pemikiran strategik (sistem pemikiran, refleksi dan reframing) memberi kesan positif dan mempengaruhi kemahiran kepimpinan. Justeru, amalan pemikiran strategik perlu dipraktikkan untuk meningkatkan kualiti kepimpinan guru di sekolah dalam menghadapi cabaran-cabaran pendidikan abad ke-21. Dari segi implikasi praktikal pula, dapatan kajian ini membuktikan bahawa faktor pemikiran strategik dalam kalangan guru memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kemahiran kepimpinan ke arah membina kepimpinan sekolah yang berprestasi tinggi.

Kata kunci : Pemikiran strategik, kemahiran kepimpinan, guru sekolah

## **PENGENALAN**

Pemimpin sekolah tidak lagi dianggap sebagai pentadbir sekolah semata-mata. Guru menjadi aset utama yang perlu dibangunkan dengan keupayaan memimpin yang berkualiti untuk membangunkan sekolah (Alimuddin, 2012). Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM 2013-2025) melalui anjakan ke-5 (Guru dan Pemimpin Sekolah) dalam gelombang kedua (2016-2020) telah merancang untuk membina keupayaan pemimpin sekolah untuk meningkatkan kepimpinan berkualiti dalam diri setiap guru di sekolah sebagai tanggungjawab bersama dalam mencapai kecemerlangan pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Kemantapan kepimpinan dalam diri setiap orang guru dilihat sebagai faktor utama dalam penghasilan pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti (Yahya Don & Marlia Jamail, 2016).

Guru yang mempunyai keterampilan kualiti diri dan sifat kepimpinan yang unggul akan menjadi tonggak kepada kecemerlangan akademik pelajar dan kejayaan sesebuah sekolah dalam merealisasikan aspirasi PPPM (2013-2015). Oleh yang demikian, pemikiran strategik merupakan tonggak utama dalam melahirkan guru-guru sebagai pemimpin sekolah dalam menghadapi masa depan yang berdaya maju bagi menentukan kelangsungan sekolah kekal cemerlang dan menangani cabaran-cabaran dalam dunia pendidikan abad ke-21 (Ireland & Hitt, 2000).

Ramai penyelidik telah mengakui bahawa, peranan dan tugas guru dalam abad ke-21 adalah semakin kompleks dan lebih mencabar (Jamalul Lail 2013 ; Norashikin Ramli, 2015). Ramli Basri (2011), menyifatkan bahawa kini bidang tugas guru bukan sekadar tertumpu kepada bidang pengajaran sahaja semata-mata sebaliknya tugas guru di sekolah adalah lebih luas kepada bidang kepimpinan, pengurusan, kreativiti, inovasi, penyelidikan dan membuat keputusan.

Trevor Lee (2006) dalam kajiannya di United Kingdom dan Davies (2006) di Nottingham telah menyatakan bahawa pendekatan pemikiran strategik dalam kalangan guru di sekolah menciptakan ciri-ciri kepimpinan seperti kebolehan membina dan mencapai misi dan visi sekolah, kebolehan mempengaruhi pengikutnya dengan pelbagai cara dan membuat perancangan halatuju sekolah yang mantap serta berpendapat bahawa

pemikiran strategik berupaya melahirkan seorang guru sebagai pemimpin masa hadapan (future leader). Sehubungan itu, Ahmad Masrizal & Mohd Izham (2015) menegaskan bahawa pemikiran strategik dapat mempengaruhi kepimpinan guru di sekolah yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan sesebuah sekolah.

Menurut Grandy (2013), pemikiran strategik ialah keupayaan kepimpinan seseorang individu untuk berfikir secara strategik yang boleh memudahkan pelaksanaan sesuatu perancangan atau perubahan dalam sebuah organisasi. Guru yang berfikir secara strategik akan memiliki kemahiran kepimpinan dalam mengendalikan proses pembelajaran dan pengajaran dan boleh membuat perancangan dan pelaksanaan strategik dengan cekap sekiranya memegang jawatan pentadbiran yang memimpin unit atau bahagian (Wotton & Horne, 2012). Pemikiran strategik dapat menjadikan seorang guru lebih cenderung ke arah kepimpinan dan menyebabkan guru-guru tidak boleh berpuas hati terhadap pencapaian semasa, sebaliknya perlu memikirkan suatu tindakan bersungguh-sungguh untuk membawa perubahan yang positif kepada murid, sekolah dan masyarakat pada masa hadapan (Hishamudin, 2016). Sehubungan itu, pemikiran strategik merupakan faktor utama dalam mempengaruhi kemahiran kepimpinan dalam kalangan guru di sekolah dalam usaha meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Guru dilihat sebagai pemimpin pendidikan yang berusaha mengubah paradigma mereka selaras dengan perubahan semasa bagi menghadapi cabaran-cabaran kepimpinan sekolah masa kini. Oleh yang demikian, setiap guru harus jelas dengan peranan masing-masing termasuk menjadi seorang pemimpin dan bukan sekadar memberi tumpuan kepada proses pembelajaran dan pengajaran. Menurut Niculescu (2015), seorang guru yang berfikiran strategik mampu menjadi sebagai seorang pemimpin yang berupaya memimpin mengikut perubahan semasa dan membawa perubahan strategik dalam organisasi dengan menunjukkan amalan kepimpinan yang mantap, inovatif, berorientasikan masa hadapan dan mempunyai daya saing yang tinggi.

Pemikiran strategik juga mempunyai peranan yang penting dalam setiap perubahan strategik dalam organisasi (Hamedani & Zare, 2014) Beberapa kajian lepas tentang pemikiran strategik dalam kalangan guru dan pemimpin sekolah menunjukkan hubungan positif dengan kecemerlangan sekolah dan kepimpinan sekolah (Davies & Davies 2009; Day & Leithwood, 2007; Eacott 2008 ;Hairuddin 2012; Jamil Ahmad & Norlian, 2011; Ahmad Masrizal & Mohd Izham 2016; Yahya Don & Siti Nor, 2016). Namun kebanyakan guru dan pemimpin sekolah masih memandang sepi dan tidak mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pemikiran strategik dalam mempengaruhi kepimpinan sekolah (Mohd Izham & Norzaini Azman, 2009)

Menurut Fullan (2007), salah satu faktor kegagalan perancangan strategik di sekolah adalah kerana kelemahan di peringkat pelaksanaan dan kelemahan memimpin perubahan secara sistematik dan strategik. Sementara Lathero & Kuusiletho (2013) dalam kajiannya tentang kepimpinan strategik dalam budaya kerja berpasukan di sekolah turut menegaskan bahawa faktor kegagalan perancangan dan pelaksanaan strategik adalah disebabkan oleh kekurangan kemahiran pemikiran secara strategik. Sejalan dengan itu, Shirvani & Shojaie (2011) berpendapat bahawa guru menjadi penggerak utama dalam pelaksanaan strategik dalam menentukan kelangsungan dan kecemerlangan sekolah melalui amalan pemikiran strategik.

Persoalannya, sejauh mana guru-guru mengamalkan pemikiran strategik untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan ke arah menjadi pemimpin sekolah yang cemerlang? Meskipun terdapat beberapa kajian berkaitan dengan pemikiran strategik, namun kajian-kajian tersebut lebih tertumpu kepada golongan pengetua dan guru besar dalam mempengaruhi kecemerlangan sekolah dan akademik pelajar. Kajian-kajian tersebut juga turut mencadangkan bahawa lebih banyak kajian masa depan perlu dilaksanakan melibatkan golongan bukan pentadbir sekolah (Bity Salwana, 2010). Tambahan pula Amin Senin (2012) mencadangkan bahawa lebih banyak kajian perlu dilakukan terhadap amalan kepimpinan guru yang perlu dilakukan mengikut konteks dan keperluan yang berbeza.

Keberkesanan kepimpinan dan pelaksanaan strategik di sekolah tidak bergantung kepada pengetua dan guru besar semata-mata (Tinah@Nain Gaya, 2007). Memandangkan tugas dan tanggung jawab pentadbir adalah berat, maka wajarlah guru-guru di sekolah sebagai barisan pelapis pemimpin sekolah mempunyai kesedaran dan berfikiran strategik bagi meningkatkan kualiti diri dalam memimpin sekolah dan membantu sekolah mencapai kecemerlangan. Merujuk kepada keperluan ini, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap pemikiran strategik dalam kalangan guru dan hubungannya terhadap kemahiran kepimpinan guru di sekolah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Menenal pasti tahap pemikiran strategik dan kemahiran kepimpinan.
2. Menenal pasti hubungan antara pemikiran strategik dan kemahiran kepimpinan.
3. Menenal pasti pengaruh pemikiran strategik terhadap kemahiran kepimpinan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan suatu kajian deskriptif korelasi yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah keratan rentas diaplikasikan bagi mengumpul data berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden. Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru dari tiga buah sekolah rendah di zon Rawang. Sebanyak 80 orang guru dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Walau bagaimanapun hanya sebanyak 52 soal selidik dipilih untuk dianalisis setelah membuat saringan. Menurut Creswell (2012), saiz sampel melebihi 30 juga adalah sesuai untuk kajian yang berbentuk korelasi. Kajian ini menggunakan instrumen *Strategic Thinking Questionnaire* yang diadaptasi dari Weyhrauch (2016) bagi mengukur amalan pemikiran strategik guru dan *Developing Leadership Skills* yang diadaptasi dari Northouse (2013). Kedua instrumen ini masih digunakan oleh para penyelidik sehingga kini dan telah disahkan kebolehpercayaannya. Nilai pekali alfa cronbach bagi kedua-dua instrumen masing-masing bernilai ( $\alpha=.861$ ) dan ( $\alpha=.840$ ). Kesemua data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Science*) versi 20.0.

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Pemikiran Strategik Dan Kemahiran Kepimpinan

Jadual 1 menunjukkan taburan skor min bagi pemboleh ubah strategik pemikiran dan kemahiran kepimpinan. Pengukuran tahap pemikiran strategik dijalankan menerusi 53 item dalam soal selidik terdiri daripada tiga dimensi iaitu sistem pemikiran, refleksi dan Reframing berdasarkan model kajian Davies & Davies (2009). Skor min untuk pemboleh ubah pemikiran strategik ialah ( $M = 4.11$ ;  $SP = .52$ ). Analisis ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap pemikiran strategik responden berada tahap yang tinggi. Semua dimensi pemikiran strategik juga mencatatkan skor min yang tinggi seperti sistem pemikiran ( $M=4.10$ ;  $SP = .58$ ), Refleksi ( $M=4.08$ ;  $SP = .61$ ) dan reframing ( $M = 4.12$ ;  $SP = .55$ ).

Tahap kemahiran kepimpinan melibatkan tiga dimensi iaitu kemahiran teknikal, kemahiran kemanusiaan dan kemahiran konsep menerusi 18 item dalam soal selidik. Analisis ini menunjukkan secara keseluruhannya tahap kemahiran kepimpinan guru berada pada tahap tinggi ( $M=4.13$ ;  $SP=.57$ ). Dapatan kajian juga menunjukkan semua dimensi kemahiran kepimpinan berada pada tahap tinggi seperti dimensi kemahiran teknikal ( $M=4.10$ ;  $SP=.60$ ), kemahiran kemanusiaan ( $M=4.18$ ;  $SP=.51$ ) dan kemahiran konsep ( $M=4.21$ ;  $SP=.56$ ).

Jadual 1

Taburan skor min pemboleh ubah pemikiran strategik dan kemahiran kepimpinan.

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
<b>Pemikiran Strategik</b>	4.11	.52	Tinggi
Sistem pemikiran	4.10	.58	Tinggi
Refleksi	4.08	.61	Tinggi
Reframing	4.12	.55	Tinggi
<b>Kemahiran Kepimpinan</b>	4.13	.57	Tinggi
Kemahiran teknikal	4.10	.60	Tinggi

Kemahiran kemanusiaan	4.18	.51	Tinggi
Kemahiran konsep	4.21	.50	Tinggi

---

Rendah (1-2.33), Sederhana (2.34-3.66), Tinggi (3.67-5)

### **Hubungan Antara Pemikiran Strategik Dan Kemahiran Kepimpinan**

Analisis ujian korelasi Pearson digunakan bagi mengenal pasti hubungan yang signifikan antara amalan pemikiran strategik dengan kemahiran kepimpinan dalam kalangan guru. Data telah diperiksa untuk menentukan tiada pelanggaran andaian normal kelinearan dan homoscedasticity. Kekuatan nilai korelasi telah dianalisis menggunakan Cohen (1998). Berdasarkan jadual 2, hasil ujian korelasi pearson menunjukkan bahawa amalan pemikiran strategik mempunyai hubungan positif yang kuat dan signifikan ( $r = .566^{**}$ ) dengan kemahiran kepimpinan guru. Ujian korelasi juga digunakan untuk meninjau kekuatan hubungan antara dimensi pemikiran dengan dimensi kemahiran kepimpinan.

Adalah didapati ketiga-tiga dimensi bagi setiap pemboleh ubah mempunyai hubungan positif yang signifikan. Amalan pemikiran strategik mempunyai hubungan kuat dengan dimensi kemahiran teknikal ( $r = .523^{**}$ ), kemahiran kemanusiaan ( $r = .510^{**}$ ) dan kemahiran konsep ( $r = .513^{**}$ ). Berdasarkan pekali korelasi, dimensi kemahiran teknikal mempunyai hubungan yang lebih kuat berbanding dimensi kemanusiaan dan kemahiran konsep. Kemahiran kepimpinan guru juga pada keseluruhannya mempunyai hubungan yang kuat dengan dimensi amalan pemikiran strategik; sistem pemikiran ( $r = .492^{**}$ ), refleksi ( $r = .419^{**}$ ) dan reframing ( $r = .421^{**}$ ). Berdasarkan pekali korelasi, dimensi sistem pemikiran guru mempunyai hubungan lebih kuat berbanding dengan dimensi refleksi dan reframing.

Jadual 2

Korelasi antara Pemimpin Strategik dengan Kemahiran Kepimpinan

Pemboleh ubah	<b>Pemikiran Strategik</b>	Sistem Pemikiran	Refleksi	Reframing
<b>Kemahiran Kepimpinan</b>	.566**	.492**	.419**	.421**
Kemahiran Teknikal	.523**	.412**	.450**	.413**
Kemahiran Kemanusiaan	.510**	.506**	.451**	.418**
Kemahiran Konsep	.513**	.510**	.455**	.440**

\*\* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

### **Pengaruh Pemikiran Strategik terhadap Kemahiran Kepimpinan**

Analisis regresi digunakan untuk mengenal pasti pengaruh pemikiran strategik ke atas kemahiran kepimpinan. Keputusan regresi pelbagai dalam seperti di jadual 3, menunjukkan semua dimensi pemikiran strategik dapat mempengaruhi kemahiran kepimpinan dalam kalangan guru sebanyak 57.5% pada tahap signifikan  $P < 0.05$ . Dalam analisis ini nilai beta ( $\beta$ ) menunjukkan dimensi sistem pemikiran merupakan peramal utama terhadap kemahiran kepimpinan.

Jadual 3

Analisis Regresi Pengaruh Pemikiran Strategik terhadap Kemahiran Kepimpinan

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>B</b>	<b>Beta</b>	<b>T</b>	<b>Sig.</b>
Sistem pemikiran	7.717	.600	5.651	.000
Refleksi	5.5204	.499	5.362	.000
Reframing	7.417	.452	5.175	.000

R= 0.561, R Square =0.575, Adjusted R Square= 0.545, F=59.366, P=.000

Merujuk kepada analisis regresi di atas, dimensi-dimensi pemikiran strategik didapati mempengaruhi kemahiran kepimpinan guru secara signifikan melalui dimensi

sistem pemikiran ( $\beta=0.600$ ,  $p<0.05$ ), refleksi ( $\beta=.499$ ,  $p<0.05$ ) dan reframing ( $\beta=.452$ ,  $p<0.05$ ). Gabungan kesemua dimensi ini menjadikan pemikiran strategik memberi pengaruh sebanyak 57.5% terhadap kemahiran kepimpinan dalam kalangan guru.

## **PERBINCANGAN**

Hasil kajian menunjukkan bahawa jika semakin tinggi amalan pemikiran strategik diamalkan dalam kalangan guru, maka semakin tinggi tahap kemahiran kepimpinan guru dapat dibentuk. Ini membuktikan bahawa pemikiran strategik secara langsung dapat mempengaruhi pembentukan kualiti kepimpinan yang unggul dalam kalangan guru. Dapatan ini menyokong kenyataan Ireland & Hitt (2000), Trevor Lee (2005), Davies (2006), Grandy (2013) dan Ahmad Masrizal & Mohd Izham (2015) yang berpendapat pemikiran strategik adalah elemen penting dalam menentukan kelestarian kepimpinan guru dan pembentukan kualiti kepimpinan yang mantap yang berupaya mempengaruhi kelangsungan dan kecemerlangan sekolah. Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Yahya Don & Siti Noor (2015), Hairrudin (2008), Norlia & Jamil (2011), Northouse (2013) yang mendapati tahap pemikiran strategik yang tinggi akan memberi kesan ke atas aspek kepimpinan dan perancangan serta pelaksanaan pelan strategik di sekolah.

Disamping itu, dapatan kajian juga membuktikan wujudnya hubungan positif yang kuat dan signifikan antara pemboleh ubah pemikiran strategik dengan kemahiran kepimpinan selari dengan dapatan kajian Hishamuddin (2016), Lathero & Kuusiletho (2013), Shivvani & Shojaie (2011), Eacott (2008) dan Hairruddin (2012). Justeru amalan pemikiran strategik yang tinggi akan dapat meningkatkan tahap kemahiran kepimpinan dalam kalangan guru sebagai pemimpin sekolah. Kajian ini juga mendapati ketiga-tiga dimensi amalan pemikiran strategik telah mempengaruhi dan memberi sumbangan terhadap kemahiran kepimpinan dalam kalangan guru. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa amalan pemikiran strategik mampu melahirkan seorang guru yang berdaya saing untuk menghadapi cabaran-cabaran pendidikan dengan meningkatkan tahap kualiti dan sifat-sifat kepimpinan dalam diri seorang guru. Sehubungan itu, usaha untuk membudayakan amalan pemikiran strategik dalam kalangan guru sekolah merupakan asas utama dalam mencapai prestasi kepimpinan sekolah yang tinggi.

Penekanan harus diberikan untuk mempraktikkan pemikiran strategik kepada setiap lapisan guru ke arah meningkatkan prestasi kepimpinan pendidikan di sekolah. Oleh yang demikian, hasil dapatan ini mencadangkan bahawa pemikiran strategik merupakan faktor utama yang boleh mempengaruhi kualiti dan prestasi kepimpinan sekolah dan guru pada masa kini. Pihak pentadbir sekolah perlu memastikan keterlibatan semua lapisan guru dalam aspek kepimpinan sekolah mengikut kemahiran kepimpinan guru masing-masing selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025) melalui anjakan ke-5 ( Guru dan Pemimpin Sekolah).

## **RUMUSAN**

Kesimpulannya, hasil kajian membuktikan bahawa amalan pemikiran strategik dalam kalangan guru adalah penting dalam usaha memantapkan kualiti kepimpinan guru. Guru –guru boleh mempamerkan sifat kepimpinan yang baik dan meningkatkan kemahiran kepimpinan hasil daripada amalan pemikiran strategik. Dapatan ini memberi implikasi bahawa pihak sekolah perlu merangka program-program dan latihan untuk meningkatkan amalan kemahiran berfikir secara strategik dan kualiti kepimpinan dalam kalangan guru. Selain itu, pihak sekolah juga perlu memberi peluang kepada guru-guru mempraktikkan amalan pemikiran strategik dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan dalam pelaksanaan pelan strategik sekolah. Walau bagaimanapun hasil kajian ini perlu dilihat bersandarkan kepada limitasi yang wujud seperti reka bentuk kajian, jumlah sampel dan kaedah penganalisan data. Oleh yang itu, kajian ini mencadangkan agar kajian secara berterusan perlu dijalankan untuk mengukur kepentingan pemikiran strategik dalam melahirkan pemimpin sekolah yang berprestasi tinggi. Dari sudut kepustakaan ilmu, dapatan ini sedikit sebanyak menyumbang dalam melahirkan seorang guru sebagai pemimpin sekolah.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Masrizal Hj Muhamad & Mohd Izham Mohd Hanizah (2015) : Amalan kepimpinan strategik dalam kalangan pengetua sekolah berasrama penuh (SBP) di Malaysia daripada perspektif kumpulan penolong kanan, ketua bidang dan ketua panitia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Amin Senin (2012). Pemikiran semula pembangunan kepimpinan sekolah. *Jurnal Pengurusan Awam* 55-68.
- Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Md Yussuf, Ramlee Mustapha, Mohd Sani Ibrahim (2010). Analisis kompetensi pengetua berdasarkan kualiti peribadi, pengetahuan, kemahiran dan amalan dalam bidang pengurusan sekolah menengah Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Creswell .J.W.(2014). *Educational research: Planing, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*,44<sup>th</sup> ed, Pearson new international edition. Harlow, Essex: Perason Education Limited.
- Davies B, & Eilison L.(2006). *Success and sustainability: Developing the strategic focused school a summary of recently*. Published NCSL Research project.
- Davies. B & Davies,B.J (2009). *Strategic leadership (2<sup>nd</sup> ed). The Essentials of School Leadership: London Paul Chapman*.
- Day , C & Leithwood. K. (2007). *Successful school principal leadership in times of change. International perspectives, Dordrecht, the Netherlands. Springer .*
- Eacott,S (2008). *Strategy and educational leadership. In search of unity. Journal of Educational Adminstration*,46(3),353-375.
- Fullan ,M,(2007). *The new meaning of educational changer. New York. Teachers college press*.
- Grandy .G.(2013). *An exploratory study of strategic in schools. Leadership & organizational development journal*, 616-638.
- Hamedani ,F.R & Zara.H.(2014). *The effect of strategic thinking skills in leadership on the effectiveness of strategic team performance in organizations. International journal of basic science & applied research*,303-309.
- Hairuddin Mohd Ali.(2012). *The quest for strategic Malaysia quality National Primay School Leaders.. International journal of Education Management*,26(1),83-98.
- Hishamuddin Mohd Twontawi (2016). *Kajian pemikiran strategik terhadap kemahiran kepimpinan pensyarah Universiti Teknologi Mara. Tesis sarjana. Universiti Utara Malaysia*.

- Ireland ,R.D & Hitt,M.A (2005). Achieving and maintaining strategic competitiveness in the 21<sup>st</sup> century. The role of strategic leadership. *Academy of management journal*,19(4).63.
- Jamil Ahmad & Norlia Goolamally (2011). Successful school principal leadership in times of change. *International perspectives*, Dordrecht, the Netherlands. Springer.
- Jamalul Lail Abdul Wahab, Aida Hanim A.Hamid & Md Fuad Md Rafik (2013). The relationship between head teachers distributed leadership and teachers motivation in national primary school. *Asian social science*, 9(16),161-167.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Kuala Lumpur.
- Lathero ,T.J & Kuusiletho-Awale,L (2013). Realisation of strategic leadership in leadership team's work as experienced by the leadership team members of basic education schools. *School leadership and management*, 33(5),457-472.
- Mohd Izham Mohd Hamzah & Norzaini Azman (2009). Pandangan pentadbir terhadap implementasi perubahan terancang pada sekolah bestari di Malaysia, *sosio Humanika*,2(1).
- Norashikin Abu Bakar & Ramli Basri (2015). Hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar. *International journal of Education and Training*,Nov 1(2),page 1-11.
- Niculescu, M. (2015). The quality of the educational process via classroom leadership. *Procedia social and behavior science*, 180 (885-891).
- Northouse , P.G. (2013). Leadership and administrative skills for optimal universal basic education delivery in Nigeria,9(38),50-61.
- Ramli Basri (2011). *Perkembangan dasar pendidikan dalam transformasi kepimpinan pendidikan*, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Shivvani.A & Shojaie.S (2011). A review on leaders role in creating a culture that encourage strategic thinking. *Procedia Social and Behavior Science*,30,2074-2078.
- Tan sri Alimudin.(2011). *Perutusan Hari Guru Kebangsaan*. Berita Harian. Kuala Lumpur.
- Tinah Binti Naim @ Naim Gaya (2007). *Kepimpinan pengetua dan hubungannya dengan stress guru di sebuah daerah di negeri Johor*. Tesis sarjana pendidikan.

Trever Lee (2006). From the madding crowd? Nottingham: National college for school leadership.

Weyhrauch ,W.S.(2016). A mindset for strategic Thinking Developing a concept and measure. Kansas state University, Manhattan Kansas.

Wootton , S & Horne.T.(2012). Strategic Thinking: A nine step to strategy and leadership for Teachers. London Philadelphia. New Delhi. India.

Yahya Bin Don & Siti Noor Bt Ismail (2016). Kepimpinan strategik dan hubungannya dengan kesediaan perubahan organisasi. jurnal lkepimpinan pendidikan 3(2),20-31.